

Renu Sensitive Multi-purpose Solution/Larutan Pelbagai Guna Renu Sensitif

ARAHAN: Untuk pembersihan dan disinfeksi, ikuti langkah mudah ini sepenuhnya. Regimen harian ini disyorkan oleh BAUSCH + LOMB untuk pemakaian kanta lekap yang sihat dan selesa.

ARAHAN: UNTUK DISINFEKSI DAN PEMBERSIHAN, LANGKAH INI MESTILAH DIIKUTI SEPENUHNYA

LANGKAH 1:

Letakkan sekurang-kurangnya 3 titis larutan pelbagai guna renu sensitif pada setiap belah kanta lekap dan gosok selama 20 saat. Pembersih harian lain tidak diperlukan.

LANGKAH 2:

Hapuskan kotoran permukaan menggunakan membilas sebersih-bersihnya dengan larutan pelbagai guna renu sensitif.

LANGKAH 3:

Letakkan kanta lekap yang telah dibersihkan di dalam bekas kanta lekap dan isikan dengan larutan pelbagai guna renu sensitif yang baharu. Rendamkan sekurang-kurangnya selama 4 jam. Ingat supaya sentiasa menggunakan larutan baharu - jangan guna semula larutan.

Kini, kanta lekap anda sedia untuk dipakai. Tidak perlu dibilas dengan larutan bergaram. Jika terdapat apa-apa kotoran yang tertinggal pada kanta lekap, bilas dengan larutan pelbagai guna renu sensitif sebelum memakainya.

PENYIMPANAN: Anda boleh menyimpan kanta lekap anda di dalam bekas kanta lekap yang bertutup sehingga sedia untuk dipakai, maksimum sehingga 30 hari.

PEMBERSIHAN MINGGUAN: Menyingkirkan protein dengan pembersih berenzim mungkin diperlukan bagi sesetengah pesakit. Sila dapatkan nasihat pengamal penjagaan mata anda.

Catatan: Penjagaan kanta lekap yang betul memerlukan mendapan protein pada kanta lekap disingkirkan.

KANDUNGAN:

Larutan steril dan isotonik yang mengandungi asid borik, dinatrium edetat, poloksamina, natrium borat dan natrium klorida; diawet dengan DYMED™ (poliaminopropil biguanida) 0.00005%.

TINDAKAN:

Membersihkan, menanggalkan dan membuang selaput, mendapan dan kotoran yang terkumpul pada kanta lekap lembut. Menghapuskan mikroorganisma yang berbahaya pada permukaan kanta lekap. Membilas, menyimpan dan membasahkan kanta lekap sebelum memakainya.

ARAHAN (Penggunaan):

Larutan pelbagai guna BAUSCH + LOMB renu sensitif disediakan untuk kegunaan pembersihan, pembilasan dan penyimpanan harian kanta lekap lembut yang dipakai secara harian dan bagi tempoh yang panjang serta disinfeksi kimia (bukan haba) seperti yang disyorkan oleh pengamal penjagaan mata anda.

KONTRAINDIKASI (Sebab tidak boleh menggunakannya):

Jika anda alah kepada mana-mana ramuan dalam produk ini, jangan gunakannya.

AMARAN: MASALAH KANTA LEKAP DAN PRODUK PENJAGAAN KANTA LEKAP BOLEH MENYEBABKAN KECEDERAAN SERIUS PADA MATA.

Anda perlu mematuhi arahan pakar penjagaan mata anda dan semua arahan pada label untuk penggunaan dan penjagaan kanta lekap serta produk penjagaan kanta lekap, termasuk bekas kanta lekap yang betul. Masalah mata termasuk ulser kornea boleh terbentuk dengan cepat dan boleh menyebabkan hilang penglihatan. Kanta lekap harian bukan untuk dipakai semalam dan tidak boleh dipakai ketika tidur. Kajian klinikal menunjukkan risiko tindak balas memudaratkan yang serius meningkat apabila kanta lekap ini dipakai semalam. Kanta lekap yang dipakai bagi tempoh panjang hendaklah ditanggalkan dengan kerap untuk pembersihan dan disinfeksi atau untuk pelupusan dan penggantian mengikut jadual yang ditetapkan oleh pengamal penjagaan mata anda. Kajian klinikal menunjukkan kekerapan berlakunya tindak balas memudaratkan yang serius meningkat pada pengguna kanta lekap tempoh berpanjangan berbanding pengguna kanta lekap harian. Kajian juga menunjukkan risiko tindak balas memudaratkan yang serius meningkat apabila kanta lekap tempoh berpanjangan dipakai lebih lama sebelum ditanggalkan untuk pembersihan dan disinfeksi atau untuk pelupusan dan penggantian. Kajian juga menunjukkan perokok mengalami tindak balas memudaratkan yang lebih kerap. Jika anda mengalami rasa tidak selesa pada mata, pengeluaran air mata yang berlebihan, perubahan pada penglihatan atau kemerahan pada mata, tanggalkan kanta lekap anda dengan serta-merta dan segera hubungi pakar penjagaan mata anda. Pemakai kanta lekap disyorkan berjumpa pengamal penjagaan mata dua kali setahun atau lebih kerap jika diarahkan.

- Untuk mengelakkan pencemaran, jangan sentuh hujung botol dengan mana-mana permukaan. Tutup semula botol selepas digunakan.
- Bukan untuk penggunaan disinfeksi haba (terma).

Anda hendaklah mengisi larutan baharu ke dalam bekas kanta lekap setiap kali anda menyimpan kanta lekap, dan jangan tambah atau guna semula larutan. Larutan hendaklah dibuang dengan segera selepas kanta lekap dikeluarkan daripada bekasnya. Anda tidak boleh mendedahkan atau menyimpan kanta lekap di dalam atau membilas bekas kanta lekap anda dengan air lain seperti air paip, air botol atau air suling atau dengan apa-apa larutan tidak steril.

Kosongkan bekas kanta lekap, kemudian bersihkan dan bilas dengan larutan pelbagai guna renu sensitif. Biarkan bekas kanta lekap kering setiap kali kanta lekap dikeluarkan. Supaya larutan berlebihan boleh dikeringkan, terbalikkan bekas kanta lekap. Gantikan bekas kanta lekap anda setiap bulan.

Kegagalan membuang larutan daripada bekas kanta lekap selepas setiap kali digunakan atau menggunakan air untuk membersihkan kanta lekap boleh menyebabkan pencemaran yang membawa kepada kecederaan mata dan berpotensi mengalami hilang penglihatan. Lihat arahan yang disertakan untuk maklumat keselamatan penting tambahan.

Maklumat Keselamatan Penting:

- Sentiasa patuhi arahan penggunaan produk. Kegagalan mematuhi arahan produk boleh menyebabkan hilang penglihatan.
- Berjumpa pengamal penjagaan mata secara tetap.
- Sentiasa basuh dan keringkan tangan sebelum mengendalikan kanta lekap.
- Jangan gunakan air paip, air botol atau air liur untuk membersihkan kanta lekap atau bekas kanta lekap.
- Hanya gunakan larutan baharu untuk membersihkan dan mendisinfeksi kanta lekap.
- Sentiasa buang apa-apa baki larutan di dalam bekas kanta lekap selepas setiap kitaran disinfeksi.
- Larutan bergaram atau pembasahan semula tidak akan mendisinfeksi kanta lekap.
- Sentiasa gantikan larutan, kanta lekap dan bekas kanta lekap seperti yang diarahkan.
- Untuk mengelakkan pencemaran, jangan sentuh hujung bekas dengan mana-mana permukaan. Tutup semula botol selepas digunakan.
- Bukan untuk penggunaan disinfeksi haba (terma).

- UNTUK KEGUNAAN LUARAN SAHAJA.

LANGKAH BERJAGA-JAGA:

- Sentiasa buang larutan di dalam bekas kanta lekap selepas setiap kali digunakan.
- Pastikan botol tertutup rapat apabila tidak digunakan.
- Gunakan produk sebelum tarikh luput yang ditandakan pada kotak dan botol.
- **BUANG BAKI LARUTAN SELEPAS 90 HARI DIBUKA.**
- Jauhkan produk daripada kanak-kanak.
- Simpan di bawah suhu bilik.
- **JANGAN CAMPURKAN DENGAN CECAIR LAIN MELAINKAN SEPERTI YANG DIARAHKAN.**
- Jangan pakai produk serentak dengan apa-apa ubat mata melainkan atas nasihat perubatan.

TINDAK BALAS MEMUDARATKAN (Masalah dan cara menanganinya):

Masalah yang berikut boleh berlaku: rasa pedih, rasa terbakar atau gatal-gatal pada mata (kerengsaan), keselesaan berkurang berbanding pada kali pertama memakai kanta lekap, rasa sesuatu dalam mata (jasad asing, kawasan tercalar), pengeluaran air mata berlebihan, rembesan mata yang luar biasa, kemerahan pada mata, ketajaman penglihatan yang berkurang (ketajaman penglihatan yang lemah), penglihatan kabur, pelangi atau halo pada sekeliling objek, sensitif terhadap cahaya (fotofobia), atau kekeringan pada mata.

Jika anda dapati mana-mana keadaan di atas berlaku:

SEGERA TANGGALKAN KANTA LEKAP ANDA.

- Jika rasa tidak selesa atau masalah berhenti, periksa kanta lekap dengan teliti.
- Jika kanta lekap rosak dalam apa-apa keadaan sekalipun, **JANGAN** pakai semula kanta lekap tersebut. Letakkan kanta lekap di dalam bekas penyimpanan dan hubungi pengamal penjagaan mata anda.
- Jika terdapat kotoran, bulu mata atau jasad asing lain melekat pada kanta lekap, atau masalah berhenti dan kanta lekap tidak rosak, bersihkan, bilas dan disinfeksikan kanta lekap tersebut dengan teliti, kemudian pakai kanta lekap itu semula.
- Jika masalah berterusan, **SEGERA** tanggalkan kanta lekap dan dapatkan nasihat pengamal penjagaan mata anda.

Jika mana-mana simptom di atas berlaku, keadaan yang serius seperti infeksi, ulser kornea, neopemvaskularan, atau iritis mungkin wujud. Dapatkan pengesahan tentang masalah tersebut daripada pakar dan rawatan dengan segera untuk mengelakkan kerosakan mata yang serius.

AMALAN PENJAGAAN KANTA LEKAP YANG BAIK:

- Sentiasa basuh dan bilas tangan anda sebelum mengendalikan kanta lekap.
- Bersihkan, bilas dan disinfeksikan kanta lekap setiap kali anda menanggalkannya.
- Sentiasa kendalikan kanta lekap yang sama dahulu, sama ada kanan atau kiri untuk mengelakkan kekeliruan.
- Selepas digunakan, sentiasa kosongkan dan bilas bekas kanta lekap dengan larutan sensitif pelbagai guna renu yang baharu dan biarkan kering.
- Gantikan bekas kanta lekap anda setiap bulan.

Botol dan kotak ditandakan dengan nombor lot dan tarikh luput.

®/™ ialah tanda dagangan Bausch & Lomb Incorporated atau sekutunya.

© Bausch & Lomb Incorporated